

CNS6264

U GB 05-08 00218 BA363

aab

Mahathir - Asia Timur

WUJUDKAN ZON ASIA TIMUR YANG AMAN, STABIL DAN MAKMUR, KATA PM

I

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa agar diwujudkan Zon Asia Timur yang aman, stabil dan makmur dengan mencontohi ASEAN.

Perdana Menteri berkata, jika negara-negara Asia Timur boleh mencapai matlamat itu, mereka mungkin boleh mengubah arah tujuan sejarah dan, secara langsung, masa depan lebih suku daripada penduduk di Timur; manakala secara tidak langsung, masa depan keseluruhan umat manusia.

"ASEAN boleh menjadi tapak dan sebaqai contoh bagi satu kerjasama Asia Timur yang lebih meluas," katanya ketika menyampaikan ucapan utama pada Kongres Pemimpin Muda Asia Timur anjuran Pergerakan Pemuda UMNO di bawah naungan Pemuda Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Lebih 100 peserta dari Brunei, Kemboja, China, Korea Utara, Indonesia, Jepun, Laos, Filipina, Korea Selatan, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia menyertai mesyuarat selama lapan hari itu.

Dr Mahathir berkata, dengan memilih untuk membina sebuah rantau Asia Timur yang aman tidaklah bermakna berpaling daripada perhatian, kepentingan dan rantau lain.

"Kita tidak sepatutnya, malah kita tidak boleh begitu kerana kita semua adalah negara perdagangan. Kita memerlukan yang lain di dunia, kerana semakin kaya mereka, semakin baik mereka sebaqai pelanggan," katanya. -- Lagi.

▼05/08/13-03MST

CNS6305

U GB 05-08 00212 BD916

aab

Mahathir - Asia Timur 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata untuk membina sebuah rantau Asia Timur yang aman, bersahabat dan tenteram terdapat banyak perkara yang negara-negara Asia Timur perlu bersedia lakukan secara "satu pihak".

Antaranya ialah meyakinkan negara jiran, mematuhi peraturan undang-undang antarabangsa, berunding dan bukannya berkonfrantasi, memastikan kestabilan dan peraturan dalam negara, berhati-hati dengan unsur-unsur yang sensitif dan lebih bertanggungjawab, serta menjadi pemimpin contoh.

Dr Mahathir berkata keseluruhan Asia Timur akan menjadi sebuah rantau yang bersahabat jika negara-negara berkenaan boleh memupuk satu lingkaran hubungan persahabatan dua hala.

"Tetapi, biarlah yang pertamanya kita pastikan bahawa hubungan keamanan pada masa sekarang antara negara-negara Asia Timur dilanjutkan... kita harus secara aktif menggalakkan keamanan di antara kita dan keamanan di kalangan kita", katanya.

Dengan menyentuh falsafah Roman yang menyebut, "Untuk memiliki keamanan anda hendaklah bersedia untuk berperang", Dr Mahathir berkata "kita benar-benar tidak mampu berbelanja dengan banyak bagi persediaan ketenteraan".

Beliau berkata sistem senjata pada masa kini terlalu mahal dan negara-negara Asia Timur akan menjadi bankrap jika cuba bermusuhan antara satu sama lain.

"Kita akan mewujudkan ketegangan, dan ketegangan antara negara-negara tidak akan menggalakkan pelaburan ekonomi serta rancangan pembangunan masa panjang. Kita tidak akan mempunyai wang untuk pembangunan," katanya. -- Lagi

▼05/08/14-36MST

CNS6374

R GB 05-08 00166 BA370

aab

Mahathir - Asia Timur 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata, Asia Timur patut berpegang kepada peribahasa moden bahawa; "jika mahu keamanan, bersedialah untuk keamanan, berusaha untuk keamanan, berjuang untuk keamanan -- perjuanglah untuk keamanan dengan keazaman dan sumber-sumber yang pada umumnya disimpan oleh negara-negara untuk menghadapi peperangan".

Dr Mahathir menegaskan bahawa negara-negara Asia Timur tidak mempunyai pilihan tetapi perlu melakukan banyak perkara penting pada masa yang sama jika mereka ingin membuat sumbangan yang perlu kepada keamanan.

Perdana Menteri berkata, sebagaimana beliau percaya akan pentingnya menjamin sebuah sistem Asia Timur untuk kerjasama keamanan, begitulah juga percayanya beliau akan sistem Asia Timur bagi kerjasama kemakmuran.

"Kita akan bersaing antara satu sama lain dan kita semestinya bersaing antara satu sama lain. Tetapi, kita juga mestih bekerjasama antara satu sama lain.

"Dan kita perlu mewujudkan proses kerjasama kemakmuran antara satu sama lain terutamanya ketika meningkatnya persaingan, terutamanya ketika meningkatnya pergantungan antara satu sama lain," kata Mahathir. -- Lagi.

05/08/15-50MST

CNS6392

R GB 05-08 00201 BA371

aab

Mahathir - Asia Timur 4 (akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata, inilah sebab-sebab mengapa Malaysia mencadangkan gagasan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Perdana Menteri berkata, bagi sebahagian besar sejarah dunia, Asia merupakan pusat tamadun manusia dan telah banyak menyumbang kepada pembangunan masyarakat manusia dan tamadunnya.

Beliau menggesa para pemimpin muda negara-negara Asia Timur, sebagai penggerak dan pembentuk masa depan rantau ini, agar bersedia untuk memainkan peranan dalam menjadikan Asia sekali lagi sebagai "pusat memupuk tamadun manusia" yang paling penting.

Dr Mahathir berkata, cabaran-cabaran adalah amat besar dan banyak akan bergantung kepada sejauh mana keamanan, kestabilan dan kemakmuran boleh diwujudkan oleh mereka untuk rakyatnya dan rantau ini dalam dekad-dekad akan datang.

Terdahulu, ketua Pemuda UMNO Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, dalam ucapannya berkata, para pemimpin muda negara-negara Asia Timur hendaklah sedar bahawa mereka perlu mengawal sepenuhnya dalam usaha menentukan masa depan negara masing-masing.

"Generasi muda Asia Timur mempunyai kuasa pemikiran yang menakjubkan itu yang perlu dipelihara dan dipupuk menjadi satu tindakan yang produktif", katanya.

Yang turut hadir ialah Setiausaha Agung Barisan Nasional dan UMNO, Datuk Mohamed Rahmat yang juga Menteri Penerangan. -- Bernama

ES CR NMO

05/08/16-04MST